

### **ANALYSIS OF IMAM NAWAWI'S METHODOLOGY IN RESOLVING DIFFERENCES OF OPINION WITHIN THE SYAFIE SCHOOL**

#### **ANALISIS METODOLOGI PENTARJIHAN IMAM NAWAWI DALAM MENYELESAIKAN PERBEZAAN PENDAPAT DALAM MAZHAB SYAFIE**

Nik Airin Aqmar Nik Azhar <sup>i</sup>, Azri Bhari <sup>ii</sup>, Mohd Faiz Mohamed Yusof <sup>iii</sup> & Mohd Zuhaili Saiman <sup>iv</sup>

<sup>i</sup> Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM), Shah Alam. 2022546733@student.uitm.edu.my

<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM), Shah Alam, Selangor, Malaysia . azrib178@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). Shah Alam, Selangor. faizyusof@uitm.edu.my

<sup>iv</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). Shah Alam. mdzuhaili@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The diversity of opinions within the Syafie school provides room for scholars to express their views on resolving legal issues. However, there are opinions, especially from the earlier periods, that are known to be speculative and not definitive, leading to the emergence of Imam Nawawi during the phase of tanqih (purification of the school) to address the occurring issues. The objective of this study is to examine the methodology used by Imam Nawawi in determining definitive opinions by considering the criteria for establishing strong arguments. Additionally, Imam Nawawi also formulated mustalahat (criteria) to distinguish between the opinions of Imam Syafie and the Ashab Syafie after observing the mixture of these two opinions. The research methodology employed is qualitative, utilizing data collection and analysis methods. Data collection is conducted through a literature review, and the obtained data is analyzed using inductive, deductive, and comparative methods to derive study results. The study findings reveal that Imam Nawawi was meticulous in the process of tarjih, considering contemporary factors in his analysis.</i></p> <p><i>Keywords: Imam Nawawi, Methodology, Mustalahat, Opinions, Tarjih.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kepelbagaian pendapat yang terdapat dalam mazhab Syafie memberi ruang kepada para ulama untuk menyuarakan pendapat dalam menyelesaikan permasalahan hukum. Namun terdapat pendapat yang dikenal pasti terutama zaman mutaqaddimin memberi pandangan berbentuk syadh dan tidak muktamad sehingga kemunculan Imam Nawawi ketika fasa tanqih (pemurnian mazhab) menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Objektif kajian ini adalah untuk melihat pentarjihan yang digunakan Imam Nawawi dalam menentukan pendapat muktamad dengan melihat kriteria penentuan hujah yang kukuh. Di samping itu, Imam Nawawi juga membentuk mustalahat untuk membezakan antara pendapat Imam Syafie dan Ashab Syafie selepas melihat percampuran antara kedua pendapat tersebut. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data dilakukan</i></p>

	<p>melalui penyelidikan kepustakaan. Data yang diperoleh dalam kajian berbentuk analisis kandungan dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian mendapati Imam Nawawi sangat teliti dalam melakukan proses pentarjihan dengan mengambil kira faktor-faktor semasa yang berlaku.</p> <p>Keywords: Imam Nawawi, Metodologi, Mustalahat, Pendapat, Pentarjihan.</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Imam Nawawi merupakan nama yang tidak asing lagi dalam arena fiqh yang memberi nafas baharu kepada ulama *muta'akhirin* dalam menyelesaikan permasalahan fiqh yang berlaku. Dalam bahagian pertama, pengkaji akan menceritakan tentang kedudukan Imam Nawawi dalam mazhab Syafie, diikuti dengan pembentukan *mustalahat* yang dihasilkan Imam Nawawi menerusi kitab *Minhaj Talibin*. Seterusnya pengkaji akan menghuraikan tentang metodologi pentarjihan kepelbagaian pendapat daripada Imam Syafie serta *Ashab* Syafie. Pengkaji juga akan menghuraikan tentang kaedah pentarjihan yang digunakan Imam Nawawi melalui metode moden yang disusun Imam Syatibi ketika proses pentarjihan berlaku. Di samping itu, pengkaji memberi panduan untuk menentukan pendapat muktamad Imam Nawawi jika berlaku kepelbagaian pendapat yang terdapat dalam kitab Imam Nawawi. Diakhir kesimpulan pengkaji memberi rumusan tentang metodologi pentarjihan Imam Nawawi untuk dijadikan rujukan dalam penentuan hukum.

## KEDUDUKAN IMAM NAWAWI DALAM MAZHAB SYAFIE

Imam Nawawi antara ulama yang memelihara mazhab Syafie selepas kewafatan Imam Syafie. Kefaqihan dan ketekunan beliau dalam ilmu fiqh diakui oleh ramai ulama sehingga pendapat dan kitab-kitab beliau menjadi rujukan muktamad dalam membicarakan tentang fiqh mazhab Syafie. Imam Nawawi juga seorang yang bersungguh-sungguh dalam memelihara mazhab Syafie terutama zaman pembebasan dan pemurnian mazhab atau disebut sebagai *tahrir* dan *tanqih* mazhab. Antara faktor yang dilihat kepada kesungguhan beliau ialah apabila terdapat banyak kitab yang dihasilkan namun terdapat padanya pendapat yang *syadh* dan tidak rajih menjadikan sebahagian berpegang pada pendapat *marjuh* tersebut.

Faktor yang disebutkan sedikit sebanyak perlu kepada amalan *tarjih* pendapat Imam Syafie. Bahkan ke atas mufti apabila terdapat dua pendapat Imam Syafie, mestilah memilih pendapat yang telah ditarjihkan Imam Syafie, adapun jika tidak mampu hendaklah *tawaqquf* seperti mana yang disebutkan Imam Nawawi (Ali, 2007). Untuk mengelakkan percampuran pandangan antara Imam Syafie dan Ashab, Imam Nawawi telah mencipta istilah untuk membezakan antara keduanya dan pelaksanaan tarjih di antara dua pendapat tersebut. Pelaksanaan yang dilakukan Imam Nawawi seolah membawa *tajdid* dalam mazhab Syafie. Namun yang dimaksudkan dengan *tajdid* di sini bukanlah mengubah usul mazhab Syafie atau menambah perkara baharu dalam mazhab, akan tetapi Imam Nawawi cuba melakukan saringan dan pembetulan terhadap pendapat-pendapat yang lemah dan *syadh* yang dinisbahkan kepada Imam Syafie dan mazhab dengan memberi gambaran yang jelas terhadap pendapat yang dinisbahkan kepada Imam Syafie dan Ashab sekaligus menolak pendapat lemah dalam kitab masyhur mazhab Syafie yang sebahagiannya menisbahkan pendapat tersebut kepada pendapat muktamad mazhab (Abdul Rab, 2012).

## PEMBENTUKAN MUSTALAHAT SYAFI'IIYAH

*Mustalahat* merupakan inisiatif yang disediakan fuqaha dalam memahami kitab-kitab fiqh. Sebagai contoh dalam memahami karya fiqh Syafie memerlukan kefahaman tinggi dalam *mustalahat* kerana setiap *mustalahat* yang dihasilkan untuk mengenal pasti sama ada pendapat tersebut *rajih*, *marjuh*, *dhaif* dan sebagainya. Imam Syafie sendiri dalam menyelesaikan satu permasalahan terdapat dua bahkan lebih pendapat yang dikemukakan. Sebahagian yang cenderung kepada Imam Syafie bahkan ingin beramal dengan semua

pendapat yang dinukilkan Imam Syafie. Sebahagian pula ada yang mempertikaikan keilmuan Imam Syafie dan meragukan ijtihad yang dikeluarkan (Zuhaili, 2005).

Istilah ini terdiri kepada tiga iaitu *aqwal* yang dinisbahkan kepada Imam Syafie, manakala *awjah* dinisbahkan kepada fuqaha' Syafi'iyah yang berasaskan kepada kaedah dan usul Imam Syafie dan yang terakhir ialah *turuq* iaitu perbezaan hikayat mazhab oleh para *Ashab* (Al-Nawawi, 2007; Ali Jum'ah, 2020; Salim Syed Shamsuddin et al., 2020; Zuhaili, 2005). Namun terdapat pandangan yang mempertikaikan tentang pendapat *awjuh* untuk dijadikan hujah. Persepsi ini muncul apabila terdapat pendapat yang sebahagiannya terkeluar dari metode *istinbat* yang disusun Imam Syafie. Selain itu, terdapat juga yang tidak menyokong pendapat yang dikeluarkan Imam Syafie (Ali, 2007). Akan tetapi yang menjadi perhatian penting dalam mengistinbat hukum ialah meraikan pendapat secara terbuka oleh mujtahid yang berijtihad. Apabila diteliti, sebahagian mungkin berbeza pendapat dengan pandangan Imam mazhab mereka, tetapi masing-masing berpegang pada usul Imam Syafie. Oleh itu, ia dikira sebagai lingkungan mazhab Syafie dan layak tergolong dalam mazhab Syafie.

Selain itu, Imam Nawawi juga menyusun darjat khilaf iaitu dengan kemunculan *mustalahat* yang dihasilkan beliau. Imam Nawawi membezakan antara pendapat yang mempunyai kekuatan hujah dengan istilah khusus begitu juga sebaliknya. Hasil daripada *mustalahat* tersebut, muncul perbezaan antara pendapat *rajih* dan *marjuh* mengikut kekuatan hujah dan dalil. Antara faktor lain juga dilihat kitab terdahulu yang dikenali sebagai kitab *mutaqaddimin* bukanlah kitab yang harus ditolak secara keseluruhan kerana Imam Rafie dan Imam Nawawi juga menjadikan kitab mereka sebagai rujukan dalam pengajian. Akan tetapi inisiatif yang dilakukan mengambil kira *masalah* yang akan dihadapi oleh orang awam (Abdul Karim Ali, 2007; Abdullah et al., 2023; M. Ali, 2007) :

1. Terdapat ulama Syafie yang berpandangan keluar dari mazhab seperti *al-Muhammadin al-'Arba'ah* iaitu Muhammad bin Nasr, Muhamad bin Jarir al Tabari, Muhammad bin Khuzaimah dan Muhammad bin al Munzir.
2. Tidak menerangkan pendapat yang sahih atau pandangan yang rajih atau *turuq* yang muktamad dalam mazhab Syafie
3. Mentarjihkan pendapat yang bukan rajih di sisi mazhab Syafie
4. Dalam satu masalah, terdapat banyak pendapat
5. *Takhrij* fiqh yang menyalahi usul mazhab
6. Istinbat yang *marjuh*
7. *Turuq* yang pelbagai dari Syafi'iyah
8. Menisbahkan pendapat yang bukan daripada Imam Syafie
9. Tiada perbezaan antara pendapat Imam Syafie dan Ashab Syafie

Perkembangan *mustalahat* diteruskan lagi dengan usaha yang dilakukan oleh Imam Nawawi menerusi kitab *Minhaj Talibin*. Karya ini menghimpunkan pendapat-pendapat muktamad yang dikeluarkan Imam Nawawi, sekaligus pengaplikasian *mustalahat* diterjemah melalui kitab ini (Zuhaili, 2007):

### **Qawlayn (Dua Pendapat Atau Beberapa Pendapat Imam Syafie)**

Yang dimaksudkan *qawlayn* di sini ialah pendapat daripada Imam Syafie yang disebutkan secara langsung tanpa ada berlaku pencampuran pendapat oleh *Ashab* Syafie yang lain. Imam Nawawi mengungkapkan istilah ini dengan *Al-Azhar* dan *Al-Masyhur*.

### **Al-Azhar**

Merupakan pendapat yang kuat khilafnya daripada dua pendapat Imam Syafie kerana masing-masing bersandarkan kepada dalil yang jelas. Sementara lawannya disebut *maqabil al-azhar* atau *khilaf al-azhar (marjuh)* iaitu pendapat yang tidak dapat dibezakan dengan *al-Azhar*. Adapun kemampuan ini hanya boleh ditentukan oleh orang yang mahir sahaja. Maka dapat diketahui bahawa *al-Azhar* merupakan istilah yang *rajih* digunakan untuk menunjukkan kepada pendapat kuat Imam Syafie. Sebaliknya, *ad-Da'iful Marjuh* (pendapat

yang lemah dan tidak kuat) mereka menggunakan istilah *wa fi qawl*.

### ***Al-Masyhur***

Merupakan pendapat yang *rajih* dari dua pendapat atau beberapa pendapat Imam Syafie. Hal ini terjadi apabila terdapat perbezaan yang lemah antara dua pendapat Imam Syafie. Yang *rajih* disebut *al-Masyhur* manakala untuk *ad-Da'iful Marjuh* (pendapat yang lemah dan tidak kuat) menggunakan istilah *wa fi qawl*. Untuk mengetahui perbezaan antara *al-Azhar* dan *al-Masyhur* adalah *al-Azhar* mempunyai kekuatan dalil yang kuat, manakala *al-Masyhur* mempunyai dalil yang lemah.

### ***Al-Awjuh (Dua Pendapat Atau Beberapa Pendapat Ashab Syafie)***

*Al-Awjuh* merupakan pendapat ulama-ulama yang bermazhab Syafie. Mereka mengeluarkan pendapat masing-masing dengan bersandarkan kaedah dan usul Imam Syafie. Pendapat tersebut tidak disebut sebagai pandangan mazhab kecuali apabila berpedomankan pada kaedah dan usul Imam Syafie. Terkadang dalam satu masalah mempunyai dua pendapat oleh seorang ulama, namun jika tidak bersandarkan kepada usul Imam Syafie tidak disebut sebagai pendapat bahkan sandaran kepada pemilik pendapat bukan kepada mazhab.

### ***Al-Asah***

Merupakan pendapat *rajih* *Ashab* Syafie yang difahami daripada ucapan Imam Syafie apabila berlaku khilaf yang kuat antara dalil. Sementara lawannya disebut (*muqabil*) samada *muqabil al-Asah* atau *Khilaf al-Asah*.

### ***Al-Sahih***

Merupakan pendapat *rajih* *Ashab* Syafie yang difahami daripada kalam Imam Syafie apabila berlaku khilaf yang lemah antara pendapat Imam Syafie. Pendapat yang diakui itu disebut sebagai *al-Sahih* manakala lawan daripada pendapat tersebut adalah pendapat yang batal dan rosak. Untuk pendapat yang rosak mereka menggunakan istilah *fi wajhin kadza*. Melalui istilah ini dapat diketahui tentang perbezaan istilah yang dinisbahkan kepada Imam Syafie dalam kategori *qawlayn* manakala *Ashab* Syafie dalam kategori *al-Wajhayn*. Perbezaan ini menunjukkan kehormatan dan kemuliaan kepada Imam Syafie

### ***Al-Tariqayni***

*Al-Tariqayni* atau *turuq* merupakan perbezaan pendapat para *Ashab* dalam menentukan pendapat yang kuat (*al-Madh'hab*). Sebahagian para *Ashab* dalam menentukan suatu kes meletakkan istilah *al-Madh'hab* kepada Imam Syafie begitu juga sebaliknya iaitu kepada para *Ashab*. Sebahagian daripada mereka umpamanya mengatakan "tentang masalah ini ada dua pendapat atau dua pandangan" sedangkan ulama lainnya mengatakan "tentang masalah ini ada perincian hukumnya." Ada ulama menyebutkan masalah ini terdapat perbezaan pendapat secara mutlak". Kemudian Imam Nawawi menetapkan suatu kes supaya dinisbahkan ia kepada pendapat *rajih* disebut sebagai *al-Madh'hab* iaitu pendapat yang *rajih* ketika adanya perbezaan pendapat antara ulama mazhab Syafie.

### ***Al-Nas***

Dimaksudkan dengan *al-Nas* ialah nas Imam Syafie yang merupakan pendapat *rajih* di dalam kitab Imam Syafie. Seperti ungkapan, "Aku menaskan ungkapan hadis ini kepada si fulan", iaitu aku menisbahkan hadis ini kepadanya. Sementara lawannya disebut sebagai *wajhun da'if* (pendapat lemah) atau *qawlun mukharraj* (pendapat yang terkeluar) daripada kaedah-kaedah Imam Syafie. Kedua lawan ini dianggap oleh Imam Nawawi sebagai pendapat lemah yang tidak boleh diamalkan.

### ***Al-Jadid (Pendapat baru Imam Syafie)***

Merupakan pendapat baru Imam Syafie yang difatwakannya di Mesir. Manakala *al-Qadim*

merupakan pendapat yang difatwakannya ketika berada di Iraq. Antara ulama yang menukulkan pendapat *jadid* beliau ialah al-Buwaithi, al-Muzani, ar-Rabi', al-Muradi, Harmalah dan ulama-ulama lain. Kitab penting yang menukulkan pendapat *jadid* beliau antaranya kitab *al-Umm*, *al-Imla'*, *Mukhtasar al-Buwaithi*, dan *Mukhtasar al-Muzani*. Menurut Imam Nawawi, yang rajih adalah pendapat *al-Jadid*, kecuali pada kes-kes tertentu yang menjadikan pendapat *qadim* sebagai pendapat yang rajih. Sebagai contoh isu waktu solat maghrib. Menurut pendapat *qadim*, waktu solat maghrib bermula daripada terbenam matahari sehingga hilang syafaq merah. Sementara pendapat *al-Jadid* waktunya adalah bermula daripada terbenam matahari sehingga kira-kira cukup untuk berwuduk iaitu dengan jalan menutup aurat, azan dan iqamat serta mengerjakan solat lima rakaat (maghrib dan sunat *ba'diyah*) yang dilakukan secara tidak tergesa-gesa. Dalam hal ini Imam Nawawi mentarjihkan pendapat *qadim* sebagai pendapat terkuat.

### Ungkapan Sighah/Lemah

1. *Qil kadha*: satu pendapat *da'if*, lawan bagi *sahih* atau *asah*
2. *Fi wajhi kaza*: pendapat *da'if* bagi ulama Syafie
3. *Fi Qawl kadha*: Lawannya adalah yang *rajih* menurut pendapat Imam Syafie
4. *Ma'a Di'fi fihi*: Pendapat yang sangat lemah.
5. *La wajhi lahu*: Ini adalah pendapat lemah yang sering digunakan dalam kalangan fuqaha dan *usuliyin*.
6. *Khilaf Ma Jara bihi al-Amal*: mendahulukan lafaz ini ketika dalam keadaan darurat
7. *Ruwiya*: Lafaz ini digunakan pada sanad hadis, menunjukkan lemahnya hadis

## KAEDAH PENTARJIHAN PENDAPAT IMAM SYAFIE MENURUT IMAM NAWAWI

### Pentarjihan Antara Pendapat Qadim Dan Jadid Imam Syafie

Berikut merupakan keadaan pertentangan antara pendapat Imam Syafie dan kaedah pentarjihannya yang dilakukan oleh Imam Nawawi dalam beberapa situasi (Abdul Rahman, 2005; Zofiri, 2002):

#### Situasi Pertama: Pertentangan Antara Dua Pendapat Qadim Dalam Dua Situasi

Situasi pertama: Dua pendapat qadim dalam dua waktu yang berbeza:

1. Mentarjihkan pendapat qadim yang terkemudian dengan melihat kepada masa yang berlaku, dan beramal dengan pendapat yang terbaharu
2. Jika tidak diketahui mana yang terkemudian, hendaklah beramal dengan pendapat yang dirajihkan Imam Syafie

Imam Nawawi (2014) menyebutkan:

{ ليس للمفتي ولا للعامل المنتسب إلى مذهب الشافعي رحمه الله في مسألة "القولين... أن يعمل بما شاء منهما  
بغير نظر بل عليه في القولين العمل " بأخرهما إن علمه وإلا فبالذي رجحه الشافعي }

Maksudnya: " Tidak boleh ke atas mufti atau mereka yang berpegang kepada mazhab Syafie untuk beramal dengan dua pendapat Imam Syafie tanpa mentarjihkan salah satunya, bahkan ke atasnya untuk beramal dengan salah satu pendapat dengan kadar pengetahuannya, atau yang dirajihkan Imam Syafie."

Situasi kedua: Apabila berlaku pertembungan antara dua pendapat *qadim* dalam satu masa, dan tidak diketahui mana yang terkemudian, kaedah *tarjih* seperti berikut:

1. Merujuk kepada ahli *tarjih* atau pentakhrij
2. Apabila tidak dijumpai ahli *tarjih*, boleh merujuk kepada pendapat *Ashab tarjih* atau *pentakhrij*
3. Jika tidak dijumpai kedua-dua, hendaklah *tawaqquf*

Imam Nawawi (2014) menyebutkan:

{فإن قالهما في حالة ولم يرجح واحدا منهما...أو نقل عنه قولان ولم يعلم "أقالهما في وقت أم في وقتين وجهلنا السابق وجب البحث عن أرجحهما فيعمل به فإن كان أهلا للتخريج أو الترجيح استقل به متعرفا ذلك من نصوص الشافعي ومأخذه وقواعده، فإن لم يكن أهلا فليقله عن أصحابنا الموصفين بهذه الصفة فإن كتبهم موضحة ذلك فإن لم يحصل له ترجيح" بطريق توقف حتى يحصل}

Maksudnya: "Apabila terdapat dua pendapat dalam satu masa dan tidak ada yang merajihkan pendapat tersebut...atau telah berpindah dua pendapat tersebut dan tidak diketahui dua pendapat tersebut berlaku dalam waktu yang sama, atau waktu berlainan, hendaklah merujuk ahli tarjih atau takhrij yang mengetahui tentang nas-nas Imam Syafie dan kaedahnya, jika tidak dijumpai, hendaklah merujuk kepada mereka yang mempunyai sifat ahli tarjih, jika tidak terdapat padanya yang berkeahlian hendaklah tawaqquf sehingga menjumpai mereka yang berkeahlian."

### Situasi Kedua: Pertentangan Antara Dua Pendapat *Jadid*

Situasi pertama: Dua pendapat *jadid* dalam dua waktu yang berbeza.

1. Mentarjihkan pendapat *jadid* yang terkemudian dengan melihat kepada masa yang berlaku, dan beramal dengan pendapat yang terbaharu
2. Jika tidak diketahui mana yang terkemudian, hendaklah beramal dengan pendapat yang dirajihkan Imam Syafie

Al-Nawawi (2014) menyebutkan:

{ليس للمفتي ولا للعامل المنتسب إلى مذهب الشافعي رحمه الله في مسألة "القولين...أن يعمل بما شاء منهما بغير نظر بل عليه في القولين العمل" بأخرهما إن علمه وإلا فبالذي رجحه الشافعي}

Maksudnya: "Tidak boleh ke atas mufti atau mereka yang berpegang kepada mazhab Syafie untuk beramal dengan dua pendapat Imam Syafie tanpa mentarjihkan salah satunya, bahkan ke atasnya untuk beramal dengan salah satu pendapat dengan kadar pengetahuannya, atau yang dirajihkan Imam Syafie."

Situasi kedua: Apabila berlaku pertembungan antara dua pendapat *qadim* dalam satu masa, dan tidak diketahui yang terkemudian, kaedah *tarjih* seperti berikut:

1. Merujuk kepada ahli *tarjih* atau *pentakhrij*
2. Apabila tidak dijumpai ahli *tarjih*, boleh merujuk kepada pendapat *Ashab tarjih* atau *pentakhrij*
3. Jika tidak dijumpai kedua-dua, hendaklah *tawaqquf*

Imam Nawawi (2014) menyebutkan:

{فإن قالهما في حالة ولم يرجح واحدا منهما...أو نقل عنه قولان ولم يعلم "أقالهما في وقت أم في وقتين وجهلنا السابق وجب البحث عن أرجحهما فيعمل به فإن كان أهلا للتخريج أو الترجيح استقل به متعرفا ذلك من نصوص الشافعي ومأخذه وقواعده، فإن لم يكن أهلا فليقله عن أصحابنا الموصفين بهذه الصفة فإن كتبهم موضحة ذلك فإن لم يحصل له ترجيح" بطريق توقف حتى يحصل}

Maksudnya: "Apabila terdapat dua pendapat dalam satu masa dan tidak ada yang merajihkan pendapat tersebut...atau telah berpindah dua pendapat tersebut dan tidak diketahui dua pendapat tersebut berlaku dalam waktu yang sama, atau waktu berlainan, hendaklah merujuk ahli tarjih atau takhrij yang mengetahui tentang nas-nas Imam Syafie dan

*kaedahnya, jika tidak dijumpai, hendaklah merujuk kepada mereka yang mempunyai sifat ahli tarjih, jika tidak terdapat padanya yang berkeahlian hendaklah tawaqquf sehingga menjumpai mereka yang berkeahlian.”*

### **Situasi Ketiga: Pertentangan antara Pendapat *Qadim* dan Pendapat *Jadid***

1. Beramal dengan pendapat *jadid*. Imam Nawawi (2014) menyebutkan:

*“Setiap masalah terdapat dua pendapat Imam Syafie iaitu qadim dan jadid. Pendapat jadid adalah pendapat yang sahih dan keatasnya untuk beramal dengan pendapat tersebut.”*

2. Beramal dengan pendapat *qadim* yang tidak bertentangan dengan pendapat *jadid*. Imam Nawawi (2014) menyebutkan:

*“Pendapat qadim, bukanlah dari kalangan mazhab Syafie atau ia tertolak, atau tidak perlu berfatwa dengan pendapatnya; Yang dimaksudkan adalah pendapat qadim merupakan nas (merujuk kepada nas Imam Syafie), dalam pendapat jadid, ia khilaf dengan pendapat qadim, adapaun pendapat qadim yang tidak khilaf dengan pendapat jadid, maka termasuk dalam mazhab Syafie dan boleh berpegang dengannya dan beramal serta berfatwa dengannya.”*

3. Beramal dengan pendapat *qadim* yang menyokong kepada hadis sahih. Imam Nawawi menyebutkan (2014):

*“Adapun pendapat qadim yang mendokong kepada hadis sahih, tergolong dalam mazhab Syafie dan dinisbahkan kepadanya apabila terdapat syarat yang menyokongnya.”*

### **KAEDAH PENTARJIHAN IMAM NAWAWI**

Antara prinsip yang harus dipegang dalam mentarjihkan pendapat Imam Syafie dan *Ashab* Syafie dapat dilihat seperti berikut Andriyadi (2022):

1. Imam Nawawi menggunakan istilah-istilah tertentu dalam mengungkapkan pendapat-pendapat Imam mazhabnya
2. Untuk menetapkan rajih tidaknya sesuatu pendapat, Imam Nawawi melihat kepada illah yang dikemukakan oleh pendapat masing-masing
3. Untuk mempertimbangkan rajihnya sesuatu pendapat juga, harus mempertimbangkan sisi lain iaitu tujuan dan manfaat (maslahat)

Imam Syatibi menjelaskan dalam kitabnya *al-Muwafaqat* mengenai metode ijthad moden yang digunakan oleh ulama usul dalam mengistinbat hukum termasuk juga Imam Nawawi sebelum mentarjih sesuatu pendapat:

#### **Metode *Bayani***

Metode *bayani* merupakan pola pemikiran yang tertumpu kepada kaedah-kaedah bahasa atau makna lafaz (Ali, 1964). Biasanya perbahasan ini diletakkan dalam perbahasan *al-qawa'id al usuliyat al-lughawiyat* (Khallaf, 1942). Ulama usul mengklasifikasikannya kepada empat perbahasan iaitu *'am, khas, mutlaq, muqayyad* dan *musytarak*. Melalui metode ini, Imam Nawawi menitik beratkan pada makna setiap lafaz yang terdapat dalam al-Qur'an mahupun hadith.

#### **Metode *Ta'lili***

Metode *ta'lili* adalah pola pemikiran yang tertumpu pada *'illah*. Bentuk pemikiran ini mempunyai justifikasi terhadap segala ketentuan yang ditetapkan Allah mempunyai

hubungan dengan perbuatan manusia atau hikmah yang ingin dicapai. Untuk mendapat 'illah, para ulama usul mengemukakan beberapa cara iaitu melalui nas al-Qur'an dan Hadis (*illah mansusah*) dan pemikiran logik (*illah ghayr mansusah*) (Sya'ban, 1971)

Untuk melakukan istinbat hukum secara *qiyasi (ta'lili)* menurut teori, beberapa rukun yang harus dipenuhi iaitu :

1. *al-Asl*, iaitu ketentuannya telah ditetapkan dalam nas, dan penggunaan analogi yang dilakukan untuk memperluas hukum kepada isu baru.
2. *al-Far'u* (isu baru), iaitu penerapan isu baru berdasarkan hukum asal
3. *al-'Illat*, (bukti), yang merupakan sifat dari isu asal dan dijumpai sama dengan isu baru
4. *al-Hukm* (ketentuan) hukum asal yang diperluas kepada isu baru

Tugas mujtahid di sini adalah mencari 'illah yang tersembunyi di dalam nas, sehingga dapat dikeluarkan produk hukum.

### Metode Istislahi

Metode *istislahi* merupakan pola pemikiran yang tertumpu kepada dalil-dalil umum, kerana ketiadaan dalil-dalil khusus mengenai suatu permasalahan dengan tujuan kemaslahatan. Metode ini dilakukan untuk menguatkan metode terdahulu iaitu *bayani* dan *ta'lili*. Metode ini digunakan untuk mencapai tujuan-tujuan umum syariat serta menyusun kategori melalui skala prioriti. Ketentuan hukum akan dibuat berdasarkan kedudukan dalam kategori dan skala prioriti. Terdapat tiga prioriti yang digariskan, iaitu: Pertama, yang bersifat *daruriyat* yang mana harus dipenuhi untuk kelangsungan hidup manusia; contoh demi memelihara tujuan maqasid iaitu memelihara agama, jiwa, harta, akal dan keturunan. Kedua, yang diperlukan manusia untuk melindungi keperluan primer (disebut *hajiyyat*). Manakala yang ketiga pula, melindungi keperluan melengkapkan (disebut *tahsinyyat*). Ketiga-tiga kriteria ini juga merupakan prinsip umum yang merangkumi tiga metode di atas untuk mendatangkan kemaslahatan awam (Fathoni, 2020).

Dalam pola pemikiran *istislahi*, terdapat beberapa syarat yang harus diikuti dalam pengaplikasian hukum, bukan semata bersifat stereotaip, malahan hukum tersebut menjamin kemaslahatan umat. Kemaslahatan yang dimaksudkan hendaklah memenuhi kepentingan orang ramai, bukan semata kepentingan individu atau komuniti tertentu. Hukum yang dihasilkan juga tidak lari dari prinsip yang ditetapkan oleh al-Qur'an mahupun hadis (Ali, 1994).

### IMPLIMENTASI IJTIHAD IMAM NAWAWI

Sebagai contoh Imam Nawawi mentarjih pendapat jadid yang menyebutkan bahawa *muwalah* (berkumur-kumur) hukumnya sunat dari segi pemahamannya terhadap teks al-Qur'an mahupun hadis (Al-Nawawi, 2007) .

Dari segi pemahaman teks al-Qur'an dan hadis, Imam Nawawi berpendapat ayat al-Qur'an dan hadis tidak menyebutkan perintah *muwalah* secara langsung sekalipun dengan menggunakan huruf "waw" tidak semestinya harus berturut-turut. Demikian juga Imam Nawawi menggunakan beberapa hadith tentang tidak wajibnya *muwalah* dalam wuduk. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Jarir Ibn Hazim dari Qatadah dari Anas bin Malik:

{ عن انس ابن مالك رضى الله عنه قال: (راى النبي صلى الله عليه وسلم رجلا وفى قدمه مثل الظفر لم يصبه

الماء فقال:ارجع فا حسن وضوءك رواه احمد وابو داود والدارقطنى }

Maksudnya: "Bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi sedang orang itu sudah berwuduk, dan tertinggal (tidak basuh) di belakang kakinya sebesar kuku. Ketika Nabi melihat itu, beliau tidak memerintahkan orang tersebut untuk mengulangi wuduk dari awal tetapi beliau memerintahkan untuk memperbaiki wuduknya" (Hadis. Abu Daud. Bab Tafriq al-Wudu'. 173).

Ini menunjukkan *muwalah* dalam berwuduk bukan perintah wajib melainkan sunat. Manakala pendapat *qadim* mazhab Syafie menurut Al-Nawawi (2007) menyebutkan bahawa *muwalah* hukumnya wajib menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dari Khalid Ibn Ma'dan bersabda (al-Bani, 1998) :

{عن خالد ابن معدن عن بعض ازواجه صلى الله عليه وسلم انه صلى الله عليه وسلم رأى رجلاً يصلى وفي ظهر قدميه لمعة قدر الدرهم لم يصب الماء فامر ان يعيد الوضوء والصلاة}

Maksudnya: "Dari Khalid bin Ma'dan dari sebagian Isteri Nabi SAW, bahwa Rasulullah SAW melihat seorang laki-laki salat, sedang pada belakang kakinya ada lapang sebesar dirham yang tidak kena air, maka Nabi SAW memerintahkannya kembali berwuduk dan salat." (Hadis. Abu Daud. Bab *Tafriq al-Wudu'*. 175).

Adapun menurut Ibn Qattan dan Baihaqi, hadis tersebut *mursal*, kerana ada sahabat yang tidak disebut namanya, dan mengambil hujah hadis itu perlu peninjauan semula. Sementara Imam Nawawi menyebutkan di dalam kitab *Syarah al-Muhazzab* bahawa hadis Khalid b Ma'dan sanadnya *da'if* (Al-Nawawi, 2014).

Dalam *mentarjih* hadis yang saling kontradiktif, maka aspek yang dilihat ialah dari sudut *sanad* dan *matan*. Menurut Abu Zahrah (1997); Fathurrahman (1993) dalam *mentarjih* dari aspek *sanad*, perkara berikut perlu diteliti:

1. Mendahulukan hadis yang diriwayatkan oleh perawi hadis yang *thiqah* berbanding yang kurang *thiqah*
2. Mendahulukan periwayatan hadis yang menerima secara langsung berbanding orang yang menerimanya secara tidak langsung
3. Mendahulukan periwayatan daripada orang yang banyak bergaul dengan Nabi berbanding yang tidak bergaul dengan Nabi
4. Mendahulukan periwayatan daripada orang yang kuat hafalannya berbanding yang sudah rosak hafalannya
5. Mendahulukan periwayatan sahabat yang besar berbanding periwayatan yang kecil
6. Mendahulukan hadis yang ditakhrij dari Bukhari dan Muslim daripada yang ditakhrijkan selainnya
7. Mendahulukan hadis yang banyak orang meriwayatkannya.

Di samping metode *bayani* yang digunakan, Imam Nawawi dalam *mentarjih* pendapat *jadid* Imam Syafie juga menggunakan metode *ta'lili*. Proses ini didasari dengan kemampuan manusia untuk melaksanakan perintah Allah dan bersandarkan akal atau tujuan yang ingin dicapai daripada syariat. Tugas mujtahid di sini adalah mencari *'illat* yang tersembunyi di dalam nas sehingga dapat dikeluarkan produk hukum.

Imam Nawawi dalam masalah ini melihat kepada *'illat* diperintahkan wuduk ketika hendak mendirikan solat. Syarat sah solat yang diwajibkan oleh syariat adalah bersuci dengan syarat panduan yang diperintahkan oleh al-Quran dan al-Hadis. Maka membasuh muka, membasuh tangan hingga ke siku, menyapu kepala, membasuh kaki dan tertib merupakan perbuatan yang wajib, adapun membasuh pergelangan tangan, berkumur-kumur, memasukkan air ke hidung dan *muwalah* terdiri daripada perbuatan sunat.

Hujah lain yang digunakan Imam Nawawi untuk *mentarjih* salah satu dari pendapat Imam Syafie ialah dengan menggunakan metode *istislahi*, iaitu dengan melihat tujuan umum dari pensyariatkan wuduk. Tugas mujtahid pada metode ini adalah mencari prinsip-prinsip dasar dalil untuk diterapkan dalam hukum Islam supaya memperoleh kemaslahatan berdasarkan hukum tersebut. Imam Nawawi sependapat bahawa hukum disyariatkan berwuduk berfungsi sebagai kemaslahatan hamba dan masalah yang ingin dicapai berbentuk masalah umum (*maslahah al-'ammah*). Kemaslahatan yang dimaksudkan dalam berwuduk adalah bersih anggota tubuh. Oleh itu, untuk mewujudkan kebersihan yang dimaksudkan tidak semestinya harus berwuduk secara *muwalah*.

Metode yang digunakan Imam Nawawi berkait rapat hubungannya dengan satu sama lain. Sebagai contoh metode *bayani*, beliau memahami maksud daripada ayat al-Quran sebaiknya dengan menghubungkan penggunaan laras bahasa Arab yang boleh diterjemahkan dengan maksud yang lain supaya ruang kefahaman boleh diperluaskan tanpa menolak maksud ayat al-Quran yang sebenar. Seterusnya, beliau mendatangkan 'illah yang kuat menerusi metode *ta'lili* dalam aspek meneliti maksud yang dibawa oleh syariat melalui tertib hukum yang diutamakan namun tidak mengabaikan hukum sunat yang lain.

Para sarjana Islam sering menyebutkan bahawa sekiranya 'illah adalah sesuatu yang tidak terang dan tidak tetap serta konsisten (*mundabit*), maka hukum Syarak akan berubah dengan perubahan yang besar sehingga tidak ada keseragaman kerana hukum-hukum akan menjadi terlalu relatif (Al-Asfahani, t.t). Begitu juga pelaksanaan syariat yang diturunkan berkaitan dengan hamba yang mana untuk menjaga kemaslahatan umum. Ia membawa maksud dalam mengaplikasikan masalah dalam sesuatu tindakan, hendaklah memenuhi kehendak asal nas-nas syarak. Ini kerana fiqh itu mesti difahami dari dua sudut iaitu *shakli* (bentuk atau rupa) dan *maqasidi* (matlamat). Dengan kata lain kehendak nas yang asal mesti dikaji terlebih dahulu sebelum menyesuaikan dengan masalah sebenar. Perkara ini yang dilihat oleh Imam Nawawi menerusi metode *istislahi* yang menjaga kebajikan umat dengan melihat prinsip-prinsip dasar dalil diturunkan.

### **KAEDAH TARJIH PENDAPAT IMAM NAWAWI YANG PELBAGAI**

Imam Nawawi telah menghasilkan banyak kitab dan terkadang terdapat sebahagian daripada kitabnya mempunyai pentarjihan yang berbeza dengan kitab lain. Oleh itu, ulama *muta'akhirin* telah menyusun beberapa kaedah untuk memilih dan mentarjih di antara pendapat beliau daripada susunan buku yang terdahulu sehingga yang terkemudian:

#### **Kaedah Pertama**

Bagi mereka yang berpengetahuan dalam berijtihad, tidak perlu terikut dengan apa yang ditarjihkan Imam Nawawi, bahkan mujtahid boleh memilih kecenderungan beliau mengikut ijtihad yang dibuat namun perlu menjaga prinsip *tarjih* yang disusun Imam Nawawi.

Ibn Hajar (t.t.) menyebutkan:

*"Sesuai ibrah itu apa yang disahihkan Imam Nawawi dan mereka yang berkeahlian dalam bermazhab, mereka merupakan orang yang berpengalaman dan boleh berpegang pada hujah mereka, oleh itu hendaklah merajihkan apa yang diputuskan mereka."*

#### **Kaedah Kedua**

Bagi mereka yang tidak berkeahlian, hendaklah mengikuti susunan kitab yang disusun ulama *muta'akhirin* seperti berikut Abdul Qadir (2004):

1. *At-Tahqiq*
2. *Al-Majmu (Al-Majmu' Sharh Al-Muhazzab)*
3. *At-Tanqih* (namun ketiga kitab di atas belum diselesaikan penulisannya oleh al-Nawawī)
4. *Ar-Rawdah (Rawdah at-Talibin fi al-Fiqh)*
5. *Al-Minhāj (Minhāj At-Talibhīn fi al-Fiqh- Mukhtashar al-Muharrar fi al-Fiqh)*
6. *Al-Fatawa (Al-Manthurat - Al Masa'il Al-Manthurah)*
7. *Syarh Muslim (Al-Minhāj Syarh Shahih Muslim bin Al-Hajaj)*
8. *Tashīh At Tanbīh (At-Tanbīh 'ala ma fi at-Tanbīh - Tashīh at-Tanbīh fi-Fiqh Asy-Syafi'i)*,

Ibn Hajar al-Haythami (t.t) menyebutkan:

*“Hendaklah mendahulukan kitab mengikut susunan seperti at-tahqiq, al-majmu’, at-tanqih kemudian kitab ringkasan seperti al-rawdah, al-minhaj, al-fatwa, syarah muslim dan tashih at-tanbih.”*

### **Kaedah Ketiga**

Mendahulukan kitab Imam Nawawi yang banyak digunakan oleh orang ramai berbanding yang sedikit. Al-Dumyati (1997) menyebutkan:

*“Kitab yang disepakati oleh orang ramai didahulukan berbanding yang sedikit”*

### **Kaedah Keempat**

Mendahulukan bab yang diutamakan Imam Nawawi berbanding bab yang lain. Al-Dumyati (1997) menyebutkan:

*“Mendahulukan bab yang disebutkan berbanding yang terkemudian “*

### **KESIMPULAN**

Imam Nawawi sangat menitikberatkan tentang kriteria proses dalam menentukan pendapat muktamad. Pembentukan *mustalahat* yang digagaskan beliau menjadi panduan kepada masyarakat khususnya pelajar untuk membezakan antara pandangan Imam Syafie dan *Ashab* Syafie. Pengaplikasian *mustalahat* juga boleh dilihat menerusi isu fiqh yang dikemukakan oleh pengkaji. Antara kriteria yang boleh dilihat dalam pentarjihan Imam Nawawi, beliau menghubungkan sesuatu isu dengan melihat sumber rujukan yang utama, perkiraan tentang masalah juga disesuaikan untuk memenuhi seruan maqasid yang memfokuskan untuk menjaga *daruriyyat al-khams*.

### **RUJUKAN**

#### **Buku**

- ‘Abd al-Qadir. (2004). *al-Khaza’in as-Saniyah Min Masyahir al-Kutub al-Fiqhiyyah li’a’immatina al-Fuqaha al-Syafiiyyah*. Maktabah al-Rifqi.
- Abdul Rab, M. A. (2012). *Tajdid Imam Nawawi dalam Mazahb Syafie*. Universiti Malaya.
- Abu Zahrah, M. (1997). *Usul al-Fiqh*. Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- al-Asfahani. (t.t.). *Bayan Mukhtasar Sharh Mukhtasar Ibn al-Hajib*. Markaz Ihya’ Turath al-Islami.
- al-Bani, M. N. (1998). *Sahih Sunan Abu Daud*. Maktabah al-Ma’arif.
- al-Dumyati, A. B. U. (1997). *I’ناه al-Talibin*. Dar al-Fikr.
- Ali, H. (1964). *Usul al-Tasyri’ al-Islami*. Dar al-Ma’arif.
- al-Nawawi. (2007). *Minhaj Talibin Wa Umdah Al-Muftin*. Dar al-Minhaj.
- al-Nawawi. (2014). *Al Majmu’ Syarah Al-Muhazzab* (Jilid 6). Maktabah Al-Irsyad.
- Daly, H. P. (1987). *Menelusuri pemikiran masalahat dalam hukum Islam*. Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Fathurrahman, M. Y. (1993). *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Fikih Islami*. al-Ma’arif.
- Ibn Hajar, al Haythami. (t.t.). *al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra*. Maktabah al-islamiyyah.
- Khallaf, A. W. (1942). *Ilmu Usul Fiqh*. Maktabah Dakwah al-Islamiyyah.
- Sya’ban, Z. (1971). *Usul Fiqh Al-Islami*. Dar al-Kutub
- Yafi, A. (1994) *Konsep-Konsep Istihsan, Istishlah dan Mashlahat al-Ammah*. Dlm: Budhy Munawar Rahman (Ed). Kontekstualisasi Doktrin Islam dalam Sejarah. Jakarta: Paramadina.
- Zuhaili, M. (2007). *al-Mu’tamad fi Fiqh Syafie*. Dar al-Qalam.

**Jurnal**

Andriyadi, F. (2022). Minhaj al-Talibin (karya Imam Nawawi). *Journal of Muslim Societies*, 4(1), 1-23.

**Seminar**

Abdullah, H., Ammar, M., & Bin, H. (2023). *Manhaj Fiqh Imam Syafie dan Perkembangan Mazhab*. In: Seminar Antarabangsa Imam Syafi'i 1444H/2023M, Kuching, Sarawak.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*